



AIR Sungai Lembing melimpah ke kawasan penempatan penduduk selepas hujan lebat berterusan selama kira-kira tiga jam di Kuantan semalam.



KEADAAN di sekitar pekan Sungai Lembing, Kuantan selepas dinaiki air dalam kejadian banjir kilat.

30 penduduk dipindahkan sementara selepas air Sungai Lembing melimpah

Banjir kilat melanda Kuantan

Oleh GHAZALI ALIAS

KUANTAN – Hujan lebat berterusan selama kira-kira tiga jam bermula pada pukul 1 pagi semalam telah menyebabkan kawasan di sekitar pekan Sungai Lembing, Kampung Jelihang, Kampung Melayu dan Kampung Tengah dekat sini dilanda banjir kilat.

Berikutan kejadian itu, seramai 30 penduduk dari sembilan buah keluarga di tiga kampung terbabit terpaksa ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Lembing dan Sekolah Jenis Kebangsaan

Cina Sungai Lembing di sini.

Banjir kilat sedalam kira-kira 1.5 meter itu berlaku apabila air dari hulu Sungai Lembing melimpah akibat hujan lebat.

Dalam kejadian itu, hampir 100 buah kedai di pekan Sungai Lembing turut terjejas.

Seorang peniaga kedai makan, Zulkefli Talib, 51, berkata, dia tidak terkejut dengan kejadian banjir kilat itu kerana ia merupakan perkara biasa dan

disifatkan sebagai 'acara' tahunan. "Memang setiap tahun saya dan peniaga lain sudah bersedia dengan kejadian ini terutama apabila tiba musim hujan namun kali ini, banjir kilat berlaku



ZULKEFLI



BEBERAPA pekerja kedai makan membersihkan peralatan yang kotor selepas ditenggelami banjir kilat di pekan Sungai Lembing di Kuantan semalam.

sebanyak dua kali selepas awal tahun ini.

"Kali ini, limpahan air Sungai

Lembing didapati berlaku terlalu cepat iaitu pada pukul 3 pagi selepas beberapa jam hujan

lebat," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, menurut pekerja kedai makan, Mohd. Norazlimie Syazwan Rasul Anuar, 25, kebiasaannya jika hujan lebat berterusan selama tiga jam, banjir kilat akan berlaku dalam tempoh empat hingga lima jam sebelum ia surut.

"Penempatan penduduk yang terletak kira-kira 500 meter dari Sungai Lembing menyebabkan beberapa kampung di sini mudah dinaiki air jika limpahan berlaku," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Pahang, Zainal Yusof berkata, banjir kilat kembali pulih petang semalam dan kesemua mangsa telah dibenarkan pulang.